- c) Keperluan verifikasi, validasi, pemantauan, pengukuran serta pemeriksaan dan pengujian khusus bagi produk yang berkaitan serta penetapan kriteria dalam penerimaan produk;
- d) Rekod yang diperlukan sebagai bukti dari pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti FSSK dalam memenuhi keperluan pelanggan.

Proses yang terlibat di dalam penyediaan produk ditunjukkan secara ringkas melalui Pelan Kualiti FSSK seperti Rajah 7.1 berikut;



**RAJAH 7.1: PELAN
 PENYEDIAAN PERKHIDMATAN, PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN FSSK**

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

7.2 PROSES BERKAITAN PELANGGAN

7.2.1 Penentuan Keperluan Pelanggan

Pengurusan FSSK akan mengenalpasti keperluan pelanggan berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi perkara berikut:-

- a) Buku Panduan Program menepati kehendak silabus yang telah diluluskan.
- b) Pelaksanaan program dibuat mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.
- c) Jadual Waktu disediakan untuk dipamerkan mengikut masa yang telah ditetapkan.
- d) Pengendalian kuliah, Pengurusan Kerja Studio, penilaian dan peperiksaan mengikut Peraturan Akademik atau mana-mana garis panduan yang telah ditentukan, contohnya rancangan pengajaran dan kurikulum.
- e) Menyediakan khidmat sokongan dan infrastruktur yang kondusif.
- f) Rekod berkaitan sebagai bukti pematuhan.

7.2.2 Kajian Semula Keperluan Berkaitan Dengan Bahan Pengajaran

Pengurusan FSSK akan menyemak semua keperluan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran. Ini bagi memastikan pelanggan, contohnya pelajar, mendapat maklumat terkini seperti yang telah ditetapkan. Semua pelajar baru akan diberikan Buku Panduan Program semasa taklimat fakulti. Semua pelajar hendaklah mematuhi syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan. Pengurusan FSSK juga hendaklah memastikan ianya berupaya memenuhi keperluan tersebut.

Kajian Semula terhadap Buku Peraturan Akademik diselenggarakan oleh pihak Universiti, manakala Buku Panduan Program dikendalikan oleh fakulti. Sekiranya berlaku perubahan di dalam Sistem Kualiti FSSK, Pengurusan FSSK mestilah memastikan dokumen kualiti yang berkenaan diselaras dan dikemaskini. Pengurusan FSSK akan sentiasa meningkatkan keberkesannya dalam memberi maklumbalas kepada pelanggan dan staf yang terlibat tentang perubahan tersebut.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

Kajian semula keperluan berkaitan dengan produk akan dibuat sekiranya pihak Pengurusan FSSK menerima rayuan atau maklumbalas dari pelajar seperti berikut:-

- i) Membatal atau menambah jumlah kursus yang perlu diambil.
- ii) Mengambil kredit melebihi jumlah yang telah ditetapkan.
- iii) Menyemak semula markah peperiksaan.
- iv) Penangguhan pengajian.

Keperluan kajian semula di atas mestilah mengambilkira garis panduan UTM atau peraturan lain yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh UTM.

7.2.3 Komunikasi Dengan Pelanggan

Pengurusan FSSK akan menyediakan perantara bagi kemudahan komunikasi yang terancang dan berkesan dengan pelanggan melalui:

- a) Buku Panduan Program, helaian program, pamflet dan poster
- b) Perjumpaan berkala (mesyuarat, perbincangan, taklimat, tutorial, krit, sesi pembentangan, dsb.)
- c) Surat menyurat
- d) E-mel dan laman web
- e) Borang Maklumbalas Aduan atau Cadangan Pelanggan
- f) Telefon
- g) Papan notis

Pengurusan FSSK akan menentukan dan melaksanakan komunikasi yang efektif dengan pelanggan dalam perkara berikut :

- a) Maklumat perkhidmatan/produk seperti jadual waktu kuliah, rancangan kuliah, modul pengajaran dan pembelajaran, 'e-learning', jadual peperiksaan, keputusan ujian dan kerja kursus serta keputusan peperiksaan.
- b) Buku Panduan Akademik dan Buku Panduan Program serta pindaan terhadapnya.
- c) Maklumbalas pelanggan termasuk cadangan penambahbaikan.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

Dokumen Rujukan

Penyediaan Buku Panduan Akademik	PK.FSSK.UTM.(O).01
Penyediaan Jadual Waktu Kuliah Pelajar dan Jadual Pengajaran Pensyarah	PK.FSSK.UTM.(O).02
Penyediaan dan Pelaksanaan Studio	PK.FSSK.UTM.(O).03
Pengurusan Pendaftaran Pelajar	PK.FSSK.UTM.(O).06
Pengurusan Kuliah dan Rekod Kehadiran Kuliah	PK.FSSK.UTM.(O).07
Pengendalian Laporan Penilaian Kursus dan Program	PK.FSSK.UTM.(O).08
Pengurusan Latihan Industri	PK.FSSK.UTM.(O).09
Pengurusan Latihan Mengajar	PK.FSSK.UTM.(O).10
Pengendalian Peperiksaan Akhir dan Penilaian Studio, Projek Sarjana Muda	PK.FSSK.UTM.(O).12
Penyediaan Rancangan Kuliah	PK.FSSK.UTM.(O).14
Pengendalian Pemarkahan	PK.FSSK.UTM.(O).15

Arahan Kerja

Tiada

Dokumen Sokongan

- Buku Peraturan Akademik, UTM
- Buku Panduan Akademik FSSK 2007
- Undang-Undang Malaysia (Akta 605) Tatatertib dan Surcaj

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

7.3 KAWALAN REKABENTUK

Bahagian ini tidak diguna pakai oleh FSSK kerana FSSK hanya melaksanakan kurikulum program yang sedia ada. (*Rujuk Perkara 3.2 untuk Batasan Aplikasi Pelaksanaan*).

7.4 PEROLEHAN

7.4.1 Proses Perolehan

Pengurusan FSSK akan menguruskan aktiviti perolehan bekalan bahan, peralatan dan perkhidmatan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Bendahari UTM melalui kaedah berikut :

- a) Panjar Wang Runcit
- b) Panjar Wang Runcit
- c) Pembelian Terus
- d) Sebutharga
- e) Tabung Amanah Fakulti

7.4.2 Maklumat Perolehan

Spesifikasi perolehan bekalan peralatan dan perkhidmatan untuk pengajaran dan pembelajaran hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen berikut :

- a) Sebutharga
- b) Spesifikasi perkhidmatan

Dokumen perolehan hendaklah diluluskan oleh Dekan atau Staf yang diberi kuasa oleh Dekan sebelum sesuatu pembelian atau perolehan dibuat.

7.4.3 Verifikasi Bekalan dan Perkhidmatan

Bekalan dan perkhidmatan yang diterima oleh Pengurusan FSSK perlu diperiksa oleh Staf yang diberi kuasa oleh Dekan bagi memastikan ia memenuhi spesifikasi dan keperluan yang dinyatakan dalam dokumen perolehan FSSK.

Pengurusan FSSK akan menyediakan kawalan ke atas pembekal. Semua pembekal akan disenaraikan di bawah senarai pembekal berwibawa.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

Pembekal yang gagal menunjukkan prestasi yang ditetapkan oleh pengurusan FSSK akan dikenalpasti sebagai pembekal yang tidak memenuhi spesifikasi, dan hendaklah dicadangkan kepada pihak Bendahari untuk disenarai hitamkan.

TDA atau Wakilnya, akan melaksanakan verifikasi di premis pembekal di mana perlu, bagi memastikan semua bekalan bahan atau peralatan mengikut spesifikasi yang telah diluluskan.

Dokumen Rujukan	
Prosedur	
Kawalan Produk Yang Tidak Memenuhi Spesifikasi	PK.FSSK.UTM.(P).05
Perolehan Peralatan dan Perkhidmatan	PK.FSSK.UTM.(O).17
Arahan Kerja	
Tiada	
Dokumen Sokongan	
Pekeliling Pentadbiran UTM	
Pekeliling Bendahari UTM	
Kod Etika Staf Profesional UTM	

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

7.5 PENYEDIAAN BAGI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

7.5.1 Kawalan Ke Atas Proses Penyampaian Perkhidmatan

Pengurusan FSSK hendaklah merancang, mendokumen dan melaksanakan proses-proses penyampaian perkhidmatan sepertimana keperluan-keperluan berikut:-

- a) Buku Panduan Program menepati kehendak silabus yang diluluskan.
- b) Perlaksanaan Program dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- c) Jadual Waktu disediakan untuk dipamerkan mengikut masa yang telah ditetapkan.
- d) Pengajaran dan pembelajaran berasaskan rancangan pengajaran dan kurikulum yang ditetapkan.
- e) Memberikan latihan yang diperlukan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran di kalangan staf FSSK. Pengurusan FSSK juga perlu memastikan bahawa stafnya mendapat latihan yang sewajarnya dari masa ke semasa untuk meningkatkan profesionalisme mereka bagi memberikan perkhidmatan yang berkesan.
- f) Sistem pengkomputeran dan peralatan sokongan digunakan untuk memudahkan pengurusan serta pemantauan dan penyebaran maklumat kepada pelanggan.
- g) Pemantauan ke atas perjalanan program bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

7.5.2 Validasi Proses Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan

Pengurusan FSSK hendaklah menjalankan validasi ke atas sistem penyampaian perkhidmatan dari semasa ke semasa. Proses validasi ini hendaklah mengambil kira keperluan baru dari Kementerian Pengajian Tinggi atau mana-mana pihak yang berkepentingan dengan FSSK.

7.5.3 Identifikasi dan kemudahan

Semua rancangan pengajaran dan pembelajaran akan dikenalpasti menerusi sistem kod kursus yang membezakan program, kursus dan tahap. Nombor Kad Pengenalan pelanggan dan nama staf untuk mata pelajaran digunakan juga untuk rujukan identifikasi dan kemudahan.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

Pengurusan FSSK akan mengenalpasti status produk untuk tujuan pemantauan dan pengukuran pencapaian. Semua maklumat akan disimpan di Pejabat Am FSSK.

Borang-borang yang digunakan oleh Pengurusan FSSK akan diberikan nombor pengenalan untuk memudahkan penggunaannya oleh staf dan pelanggan.

7.5.4 Harta Pelanggan

FSSK hendaklah mengadakan kawalan ke atas harta pelanggan yang diterimanya. Antara lain harta pelanggan yang diterima dan perlu dikawal adalah seperti berikut:

- i. Kertas jawapan peperiksaan
- ii. Tugasan
- iii. Portfolio
- iv. Projek Sarjana Muda

**Harta hakmilik pelanggan boleh termasuk hakmilik intelek dan data peribadi.*

7.5.5 Pemuliharaan Produk

Pengurusan FSSK hendaklah mendokumenkan prosedur bagi memastikan produk yang dihasilkan dijaga dan dipulihara semasa mana-mana proses dan semasa diserahkan kepada pelanggan berkenaan. Proses ini meliputi identifikasi, penyediaan, penyimpanan, penjilidan, kawalan dan pemuliharaan produk. Produk ini meliputi kertas soalan, kertas jawapan dan keputusan peperiksaan akhir.

Dokumen Rujukan

Prosedur

Kawalan Rekod Kualiti	PK.FSSK.UTM.(P).03
Kawalan Produk Yang Tidak Memenuhi Spesifikasi	PK.FSSK.UTM.(P).05
Pengendalian, Penyimpanan, Penjilidan, Pemuliharaan dan Penghantaran	PK.FSSK.UTM.(O).16

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

7.6 KAWALAN PERALATAN BAGI PEMERIKSAAN DAN PENGUKURAN

Keperluan ini adalah tidak berkenaan kerana FSSK tidak menggunakan sebarang peralatan yang tertakluk kepada keperluan kalibrasi. (*Rujuk Perkara 3.2 Untuk Batasan Aplikasi Perlaksanaan*)

8.0 PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

8.1 AM

Pengurusan FSSK akan merancang, mewujudkan dan melaksanakan proses pemantauan, bagi pengukuran, analisis dan penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti.

Pengurusan FSSK akan menyediakan prosedur bagi pengukuran dan pemantauan semua produk seperti lukisan, model, tugasan, laporan kertas projek dan lain-lain sama ada di peringkat penerimaan, pemprosesan atau penyampaian dan penyerahan. Ini bagi memastikan pematuhan Sistem Pengurusan Kualiti memenuhi kehendak Piawaian SPK UTM dalam mencapai Objektif Kualiti.

Pengurusan FSSK akan mengenalpasti kaedah penggunaan teknik statistik yang sesuai bagi mengesan kelemahan yang ada di dalam Sistem Kualitinya. Kaedah dan teknik statistik ini akan membantu pengurusan FSSK bagi tujuan penambahbaikan yang berterusan serta peningkatan keberkesanan dalam Sistem Pengurusan Kualiti.

8.2 PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN

8.2.1 Kepuasan Pelanggan

Pengurusan FSSK akan menyediakan prosedur dalam mengukur kepuasan pelanggan terhadap penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran. Pemantauan dan pengukuran kepuasan pelanggan akan berasaskan Aduan/Maklumbalas pelanggan, kajiselidik kepuasan pelanggan, pemeriksa luar dan pengurusan UTM, Penilaian Pengajaran Pensyarah dan Kajian Semula Pengurusan.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

8.2.2 Audit Kualiti Dalaman

Pengurusan FSSK akan melatih dan melantik Juru Audit Kualiti Dalaman untuk menjalankan Audit Kualiti Dalaman untuk memastikan Sistem Pengurusan Kualitinya sentiasa memenuhi perkara berikut:-

- a) Selaras dengan perancangan kualiti dan objektif kualiti FSSK
- b) Sistem Pengurusan Kualiti dilaksana dan diselenggara dengan berkesan
- c) Selaras dengan kehendak SPK UTM
- d) Mengesan kelemahan dalam Sistem Pengurusan Kualiti
- e) Penemuan audit terdahulu diambil tindakan pembetulan yang berkesan.

Audit Kualiti Dalaman hendaklah dijadual dan dijalankan oleh Pegawai yang terlatih dan laporan Audit Kualiti Dalaman dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan FSSK.

Hasil Audit direkod dan disemak oleh Wakil Pengurusan FSSK. Staf yang bertanggungjawab ke atas bidang yang ditegur dalam laporan audit hendaklah bertindak membetulkan kelemahan demi menjamin keberkesanan sistem serta melaksanakan perakuan hasil Laporan Audit Kualiti Dalaman.

Audit susulan akan dijalankan untuk mengesan keberkesanan tindakan pembetulan dan dimaklumkan semula kepada Pengurusan FSSK.

8.2.3 Pemantauan dan Pengukuran Proses

Pengurusan FSSK akan menjalankan pemantauan dan pengukuran ke atas Sistem Pengurusan Kualiti bagi semua proses dan produk akhir yang terlibat. Kaedah yang sesuai akan dilaksanakan bagi menentukan proses yang dirancang menghasilkan produk akhir yang ditetapkan. Sekiranya hasil yang dirancang tidak dicapai, tindakan pembetulan dan pencegahan akan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada proses yang dirancang.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

8.2.4 Pemantauan dan Pengukuran Produk

Pengurusan FSSK akan menyediakan prosedur untuk memantau dan mengukur ciri-ciri produk untuk memastikan keperluan produk telah dipenuhi.

Kriteria bagi produk yang dimaksudkan merujuk kepada parameter berikut:-

- i) Mencapai Objektif Kualiti yang ditetapkan
- ii) Memenuhi spesifikasi Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran dan Kurikulum
- iii) Prestasi Staf Akademik memenuhi Penilaian Pengajaran Pensyarah yang ditetapkan.

8.3 KAWALAN PRODUK YANG TIDAK MEMENUHI SPESIFIKASI

Pengurusan FSSK akan menyediakan prosedur bagi memastikan produk sentiasa memenuhi keperluan atau spesifikasi yang ditetapkan oleh Pengurusan FSSK. Pengurusan FSSK juga akan mengenalpasti produk yang tidak memenuhi spesifikasi diasingkan supaya ianya tidak bercampur dengan produk yang memenuhi spesifikasi. Produk yang diperbetulkan hendaklah diperiksa semula bagi menentukan ianya memenuhi keperluan yang telah ditetapkan sebelum diterima mengikut prosedur yang didokumenkan.

Produk yang dianggap tidak menepati spesifikasi adalah:-

- a) Kerja studio yang tidak mengikut prosedur penyerahan dari segi format dan kandungannya yang telah ditetapkan.
- b) Rancangan kuliah, rancangan studio dan soalan peperiksaan yang tidak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- c) Pelajar yang tidak memenuhi syarat kelulusan minimum yang telah ditetapkan.
- d) Staf Akademik yang mendapat Penilaian Pengajaran Pensyarah kurang dari min Fakulti.

Laporan mengenai produk yang tidak memenuhi spesifikasi akan dikenalpasti melalui Prosedur Kawalan Produk Yang Tidak Memenuhi Spesifikasi. Semua ketidakpatuhan produk yang dilaporkan akan dikaji oleh Pengurusan FSSK bagi menjaga dan menentukan punca ketidakpatuhan dalam proses, sistem atau produk. Pengurusan FSSK akan menentukan tindakan pembetulan yang

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

diperlukan yang diambil adalah berkesan. Semua laporan dan tindakan pembetulan yang diambil akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan. Rekod setiap laporan dan tindakan hendaklah diselenggara dan disimpan dengan selamat.

8.4 ANALISIS DATA / TEKNIK STATISTIK

Pengurusan FSSK akan mengenalpasti, mengumpul dan menganalisis data yang berkaitan dalam menyatakan kesesuaian dan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualitinya. Ini merangkumi data yang terhasil dari keputusan pemantauan dan pengukuran serta dari punca-punca lain yang relevan. Data akan dianalisis bagi memastikan tindakan penambahbaikan berterusan adalah berkesan ke atas Sistem Kualiti FSSK.

Analisis data akan menyalurkan maklumat berikut:

- a) Tahap kepuasan pelanggan
- b) Pematuhan kepada keperluan produk
- c) Kriteria dan aliran proses penzahiran (pengolahsediaan) produk termasuk peluang untuk langkah pencegahan dan penambahbaikan.
- d) Prestasi Pembekal Bahan dan Perkhidmatan termasuk Pensyarah Jemputan dan Pensyarah Sambilan.

8.5 PENAMBAHBAIKAN

8.5.1 Penambahbaikan Berterusan

Pengurusan FSSK akan sentiasa menambahbaik keberkesanan Sistem Pengurusan Kualitinya dengan berasaskan kepada Dasar Kualiti, Objektif Kualiti, Laporan Audit Kualiti Dalaman, Analisis Data, Tindakan Pembetulan, Tindakan Pencegahan dan Kajian Semula Pengurusan.

8.5.2 Tindakan Pembetulan

Pengurusan FSSK akan mendokumenkan prosedur kerja bagi tindakan pembetulan untuk menghindari perkara yang menyebabkan punca kepada sesuatu produk tidak memenuhi spesifikasi dan merancang langkah bagi tindakan pencegahan.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

Tindakan pembetulan akan dilaksanakan berdasarkan kepada perkara berikut:

- a) Kajian semula ketidakpatuhan Audit Kualiti Dalaman, Aduan Pelanggan, Kawalan Produk Yang Tidak Memenuhi Spesifikasi dan Teguran Pihak Atasan .
- b) Mengenalpasti sebab atau punca ketidakpatuhan.
- c) Mengenalpasti dan melaksanakan tindakan pembetulan yang diperlukan
- d) Merekod semua keputusan yang berkaitan dengan tindakan yang telah diambil
- e) Kajian semula terhadap keberkesanan tindakan pembetulan yang telah diambil
- f) Menilai keperluan kepada tindakan pencegahan bagi memastikan ketidakpatuhan tidak berulang

8.5.3 Tindakan Pencegahan

Tindakan pencegahan akan dilaksanakan berpandukan kepada hasil penilaian tren dan pemerhatian Audit Kualiti Dalaman, analisis Aduan/Maklumbalas Pelanggan serta pandangan pemeriksa luar dan industri atau teguran dari pihak atasan.

Tindakan pencegahan akan dilaksanakan selepas segala pertimbangan diberi perhatian bagi mengelakkan sesuatu kepincangan dari Sistem Kualiti daripada berulang. Jika perlu, tindakan susulan seperti kaunseling dan khidmat nasihat akan diambil terhadap staf yang telah menyebabkan kepincangan dalam Sistem Kualiti sebagai satu pencegahan yang berkesan.

Tindakan pencegahan akan dilaksanakan berdasarkan kepada perkara berikut:-

- g) Laporan Audit Kualiti Dalaman
- h) Laporan Aduan/ Maklumbalas Pelanggan.
- i) Menentukan ketidakpatuhan yang mungkin berlaku dengan mengenalpasti puncanya.
- j) Menilai keperluan bagi tindakan untuk mencegah ketidakpatuhan dari berulang.
- k) Mengenalpasti dan melaksanakan tindakan yang diperlukan.

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> <small>Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan</small>	MANUAL KUALITI PENGURUSAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN MK.FSSK.UTM	No. Keluaran : _____
		No. Pindaan : _____
		Tarikh : 30 Ogos 2020
		M/Surat : /45

- l) Merekod semua keputusan berkaitan dengan tindakan pencegahan yang telah diambil.
- m) Kajian semula terhadap keberkesanan tindakan pencegahan yang telah diambil.
- n) Mengenalpasti latihan yang diperlukan bagi memantapkan kemahiran staf untuk mengelakkan berulangnya sesuatu ketidakpatuhan.

Dokumen Rujukan	
Kawalan Produk Yang Tidak Memenuhi Spesifikasi	PK.FSSK.UTM.(P).05
Pengendalian Aduan Pelanggan	PK.FSSK.UTM.(P).06
Audit Kualiti Dalaman	PK.FSSK.UTM.(P).07
Penambahbaikan dan Tindakan Pencegahan	PK.FSSK.UTM.(P).08
Penambahbaikan dan Tindakan Pembetulan	PK.FSSK.UTM.(P).09
Teknik Statistik	PK.FSSK.UTM.(P).10



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti Sains Sosial
dan Kemanusiaan

Nama Dokumen:

POLISI KUALITI FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN (FSSK)

Nombor Dokumen:

MK-FSSK-02

Pindaan	Tarikh	Butiran	Disediakan	Diluluskan
0	30-08-2020	Keluaran Pertama		
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				

FALSAFAH

Hukum Allah adalah dasar kepada ilmu. Sejalan dengan kehendak-Nya, UTM komited secara menyeluruh dan bersepadu demi mencapai kecemerlangan dalam sains, teknologi dan kejuruteraan untuk kemakmuran dan kesejahteraan sejagat.

VISI

To be an outstanding centre for knowledge and talent advancement, synergizing academic fields of social sciences and humanities

MISI

To develop and advance holistic talents in social sciences and humanities through innovative and sustainable academic programmes and research.

Teras Strategik

T1 : Akademia Holistik, Inovatif dan Entrepreneurial

T2 : Kecemerlangan Akademik dan Penyelidikan

T3 : Kesohoran Global

T4 : Menerajui Industri dan Komuniti

Nilai Teras

INTEGRITI

Integriti memerlukan pematuhan kepada nilai-nilai moral dan prinsip etika yang kukuh. Sifat terpuji ini mesti dihayati dalam hati dan jiwa dan dimanifestasikan melalui kesetiaan, peribadi, tingkah laku, perbuatan dan tindakan secara hikmah dan amanah.

SINERGI

Sinergi menanamkan semangat berpasukan, kebersamaan, keterangkuman, keserakanan, kepercayaan, hormat menghormati, keluhuran budi dan kerjasama. Ia juga menyuburkan sifat tidak mementingkan diri sendiri, timbul dari rasa keperihatinan terhadap orang lain mengatasi kepentingan sendiri, di samping menghargai kepelbagaian dan perbezaan.

KECEMERLANGAN

Kecemerlangan merujuk pencapaian dan penyampaian tinggi yang akan menghasilkan kejayaan gemilang dalam semua aspek merangkumi pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan, inovasi, pengkomersilan dan penyediaan perkhidmatan.

KELESTARIAN

Kelestarian terhasil melalui pemacuan secara holistic oleh komuniti kampus dalam mengintegrasikan dan mengimbangi bidang ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keupayaan sedia ada dan berkekalan.

Polisi Kualiti

FSSK komited membangun, melaksana dan mengekalkan kualiti polisi FSSK yang merangkumi falsafah, visi, misi dan teras strategik FSSK yang:

- a. Sesuai dengan tujuan dan konteks hubungan FSSK dan menyokong halatuju strategiknya;
- b. Menyediakan kerangka untuk membangunkan objektif-objektif kualiti;
- c. Termasuk juga komitmen terhadap memenuhi kehendak-kehendak yang termaktub dan komitmen untuk menambahbaik SPK FSSK ini.

Diluluskan;

Dekan FSSK

Tarikh:

Nama Dokumen:



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti Sains Sosial
dan Kemanusiaan

PENGURUSAN KUALITI FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN (FSSK)

Nombor Dokumen:

MK-FSSK-03

Pindaan	Tarikh	Butiran	Disediakan	Diluluskan
0	30-08-2020	Keluaran Pertama		
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

ISI KANDUNGAN

1	SKOP SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)	3
2	RUJUKAN	3
3	TERMA DAN DEFINISI	3
4	KONTEKS ORGANISASI FSSK	3
4.1	FSSK DAN KONTEKS HUBUNGANNYA	3
4.2	KEPERLUAN DAN KEHENDAK PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN	4
4.3	SKOP SPK FSSK DAN DEFINISI OPERASI	4
4.4	SPK DAN PROSESNYA	5
4.4.1	SPK FSSK	5
5	KEPIMPINAN	5
5.1	KEPIMPINAN DAN KOMITMEN	5
5.1.1	ILTIZAM PENGURUSAN	5
5.1.2	FOKUS PEMEGANG TARUH	6
5.2	POLISI FSSK	6
5.2.1	MEMBANGUNKAN POLISI FSSK	6
5.2.2	MENYEBARLUASKAN POLISI FSSK	6
5.3	PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN KUASA	7
6	PERANCANGAN	7
6.1	TINDAKAN UNTUK MEMPERTIMBANGKAN RISIKO-RISIKO DAN PELUANG-PELUANG	7
6.1.1	TUJUAN MEMPERTIMBANGKAN RISIKO DAN PELUANG	7
6.1.2	PERLAKSANAAN PERTIMBANGAN RISIKO DAN PELUANG	8
6.2	OBJEKTIF KUALITI DAN PERANCANGAN UNTUK MENCAPAINYA	8
6.2.1	OBJEKTIF KUALITI / PETUNJUK AMAL UTAMA	8
6.3	MERANCANG PERUBAHAN	8
7	SOKONGAN	9
7.1	SUMBER-SUMBER	9
7.1.1	UMUM	9

PENGURUSAN KUALITI FSSK

7.1.2	MANUSIA (STAF AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK)	9
7.1.3	INFRASTRUKTUR / FASILITI	9
7.1.4	PERSEKITARAN KEPADA PROSES-PROSES OPERASI	9
7.1.5	PENGETAHUAN ORGANISASI	10
7.2	KOMPETENSI DAN BAKAT	10
7.3	KESEDARAN	10
7.4	KOMUNIKASI	10
7.5	INFORMASI DIDOKUMENKAN (MANUAL KUALITI, PROSEDUR DAN REKOD)	11
7.5.1	UMUM	11
7.5.2	MEWUJUDKAN DAN MENGEMASKINI	11
7.5.3	KAWALAN INFORMASI DIDOKUMENKAN	11
8	OPERASI	12
9	PENILAIAN PRESTASI	14
9.1	PEMANTAUAN, PENGUKURAN, ANALISA DAN PENILAIAN	14
9.1.1	UMUM	14
9.1.2	KEPUASAN PEMEGANG TARUH	14
9.1.3	ANALISIS DAN PENILAIAN	14
9.2	AUDIT DALAMAN	14
10	PENAMBAHBAIKAN	15
10.1	SEMAKAN PENGURUSAN	15
10.1.1	UMUM	15
10.1.2	INPUT SEMAKAN PENGURUSAN	16
10.1.3	HASIL SEMAKAN PENGURUSAN	16
10.2	PROSES PENAMBAHBAIKAN	16
10.2.1	KETIDAKPATUHAN	16
10.2.2	INFORMASI YANG DIDOKUMENTASIKAN YANG PERLU DISIMPAN	17
10.3	PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN	17

1 Skop Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)

FSSK merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang mengeluarkan graduan dalam bidang sains dan teknologi. Sejarah perkembangan dan profail FSSK dijelaskan dalam dokumen no. MK-FSSK-01. Bagi menjamin pencapaian kehendak pihak yang berkepentingan, FSSK melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang dijelaskan secara terperinci dalam dokumen yang dinamakan SPK FSSK dengan nombor rujukan MK-FSSK-03. Dokumen ini menggariskan kehendak SPK FSSK dan pembuktian proses-proses serta langkah-langkah pengawalan dalam memastikan kehendak pihak yang berkepentingan serta perundangan dan peraturan dipenuhi. Ianya juga bertujuan bagi menambah kepuasan hati pihak yang berkepentingan melalui aplikasi sistem yang efektif, termasuk proses-proses penambahbaikan berterusan sistem kualiti dan memberi kepastian tentang pematuhan kepada kehendak pihak yang berkepentingan dan perundangan yang berkaitan.

2 Rujukan

Penyediaan dokumen ini adalah berdasarkan kepada:

- a. *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2018*
- b. *MS ISO 9001:2015 – Quality Management System – Requirements (Second Revision)*

3 Terma dan definisi

Terma dan definisi di dalam dokumen ini adalah berdasarkan kepada:

- a. *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2018*
- b. *MS ISO 9001:2015, Quality Management System – Requirements (Second Revision)*
- c. *ISO 9000:2015, Quality Management System – Fundamentals and Vocabulary*

4 Konteks organisasi FSSK

4.1 FSSK dan konteks hubungannya

FSSK sentiasa memantau dan mempertimbangkan isu-isu dalaman dan luaran, perkembangan di peringkat antarabangsa dan negara, dan menentukan samada isu-isu dan perkembangan ini memberi kesan kepada kebolehannya untuk mencapai hasil-hasil yang telah ditentukan oleh SPK.

Sekiranya ada, FSSK akan membuat semakan dan perubahan kepada halatuju strategik, falsafah, visi, misi dan teras strategik bagi memastikan FSSK sentiasa bergerak seiring dengan kehendak semasa.

4.2 Keperluan dan kehendak pihak-pihak berkepentingan

Bagi memastikan FSSK berkemampuan mencapai hasrat dan kehendak pihak yang berkepentingan, FSSK menentukan:

- a. pihak yang berkepentingan yang berkaitan dengan SPK FSSK;
- b. kehendak-kehendak pihak-pihak berkepentingan ini yang berkaitan dengan SPK FSSK

Dari masa ke masa FSSK akan memantau dan menyemak perkara-perkara di atas agar SPK FSSK sentiasa seiring dengan kehendak pihak yang berkepentingan.

4.3 Skop SPK FSSK dan Definisi Operasi

Skop aplikasi SPK FSSK melibatkan teras bisnes FSSK iaitu:

Skop	Definisi Operasi
a. Pembelajaran dan Pengajaran	Semua aktiviti pembelajaran dan pengajaran bermula dari pengurusan pengesahan program sehingga pentaksiran objektif pendidikan program (PEO) samada secara formal atau informal.
b. Penyelidikan	Semua aktiviti penyelidikan bermula dari pembentukan kertas cadangan projek penyelidikan sehingga penilaian akhir projek penyelidikan.
c. Perkhidmatan	Semua aktiviti menyediakan perkhidmatan kepada komuniti FSSK dan juga komuniti luar FSSK.

4.4 SPK dan prosesnya

4.4.1 SPK FSSK

FSSK membangunkan, melaksanakan dan mengekalkan SPK dan menambak baik keberkesanan sistem secara berterusan selari dengan kehendak-kehendak dokumen yang disebut di bahagian 2 Rujukan. FSSK mengenalpasti proses-proses yang diperlukan dalam SPK serta penggunaannya di dalam organisasi dengan:

- a. menentukan input yang perlu dan output yang dijangkakan daripada proses-proses ini,
- b. menentukan urutan dan interaksi di antara proses-proses ini,
- c. menentukan kriteria dan kaedah yang diperlukan bagi memastikan operasi dan pengawalannya adalah berkesan,
- d. memastikan penyediaan sumber-sumber dan maklumat yang perlu bagi membantu operasi dan pemantauan proses-proses ini,
- e. menetapkan tanggungjawab dan bidang kuasa untuk proses-proses ini,
- f. menentukan risiko-risiko yang akan dihadapi dan peluang-peluang yang akan diperolehi daripada proses-proses ini,
- g. menilai proses-proses ini dan melaksanakan perubahan-perubahan yang perlu bagi memastikan proses-proses ini mencapai hasilnya seperti yang dirancang, dan
- h. menambahbaik secara berterusan ke atas proses-proses ini.

FSSK akan memastikan kesemua informasi yang didokumenkan bagi SPK FSSK ini seperti prosedur dan rekod dikawal.

Dokumen Rujukan: Interaksi Proses Utama SPK FSSK – MK-FSSK-05

5 Kepimpinan

5.1 Kepimpinan dan komitmen

5.1.1 Iltizam Pengurusan

Pengurusan atasan FSSK beriltizam untuk menunjukkan bukti kepimpinan dan komitmen mereka terhadap pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti serta terus-menerus memperbaiki keberkesanannya dengan cara:

- a. Mengambil tanggungjawab terhadap keberkesanan SPK FSSK,
- b. Memastikan polisi kualiti dan objektif kualiti dibangunkan selari dengan konteks hubungan dan halatuju strategi FSSK,

- c. Memastikan integrasi di antara kehendak-kehendak SPK dan proses FSSK,
- d. Mempromosi pendekatan proses dan pemikiran berasaskan risiko,
- e. Memastikan sumber-sumber yang perlu untuk SPK tersedia,
- f. Menjelaskan kepada organisasi betapa pentingnya SPK FSSK yang berkesan dan usaha mencapai kehendak-kehendak SPK FSSK,
- g. Memastikan SPK FSSK mencapai hasil-hasil yang dirancang,
- h. Melantik, mengarahkan dan menyokong staf yang menyumbang kepada keberkesanan SPK FSSK,
- i. Mempromosi penambahbaikan,
- j. Menyokong lain-lain peranan pengurusan untuk menunjukkan kepimpinan mereka di bidang yang mereka dipertanggungjawabkan, dan
- k. Melaksanakan semakan pengurusan terhadap SPK FSSK

5.1.2 Fokus Pihak Yang Berkepentingan

Pengurusan atasan FSSK membuktikan kepimpinan dan komitmen mereka dengan memberi fokus kepada pihak yang berkepentingan dengan memastikan:

- a. kehendak pihak yang berkepentingan, perundangan dan peraturan yang terpakai dikenalpasti, difahami dan dicapai secara konsisten.
- b. risiko-risiko dan peluang-peluang yang boleh memberi kesan pematuhan kepada produk dan perkhidmatan dan kebolehan untuk meningkatkan lagi kepuasan pihak yang berkepentingan dikenalpasti dan diambil tindakan.
- c. fokus untuk meningkatkan kepuasan pihak yang berkepentingan ini dikekalkan.

5.2 Polisi FSSK

5.2.1 Membangunkan Polisi FSSK

Pengurusan atasan FSSK membangunkan, melaksanakan dan mengekalkan kualiti polisi FSSK yang merangkumi falsafah, visi, misi dan teras strategik FSSK yang:

- a. sesuai dengan tujuan dan konteks hubungan FSSK dan menyokong halatuju strategiknya,
- b. menyediakan kerangka untuk membangunkan objektif-objektif kualiti,
- c. termasuk komitmen terhadap memenuhi kehendak-kehendak yang termaktub,
- d. termasuk komitmen untuk menambahbaik SPK FSSK ini

5.2.2 Menyebarkan polisi FSSK

Polisi FSSK ini:

- a. mudah diperolehi secara talian dan sentiasa dikekalkan sebagai informasi yang didokumentasi,
- b. disebarluaskan, difahami dan dilaksanakan di semua Sekolah/Akademi FSSK,
- c. disediakan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Dokumen Rujukan: Polisi Kualiti FSSK – MK-FSSK-02

5.3 Peranan, tanggungjawab dan kuasa

Pengurusan atasan sentiasa memastikan yang tanggungjawab dan kuasa untuk peranan-peranan adalah ditetapkan, diterangkan dan difahami di dalam organisasi FSSK. FSSK menetapkan tanggungjawab dan kuasa untuk:

- a. memastikan SPK FSSK mematuhi kehendak-kehendak dokumen piawai yang dirujuk iaitu sepertimana diterangkan di bawah perkara 2 Rujukan,
- b. memastikan yang proses-proses menghasilkan output-output yang dicadangkan,
- c. melaporkan prestasi SPK FSSK dan peluang-peluang untuk penambahbaikan,
- d. memastikan fokus kepada pihak yang berkepentingan dipromosi kepada semua staf,
- e. memastikan integriti SPK FSSK tetap kekal walaupun berlaku perubahan-perubahan kepadanya.

Dokumen Rujukan: Carta Organisasi FSSK – MK-FSSK-04

6 Perancangan

FSSK membuat perancangan sepertimana yang dijelaskan di bawah perkara 4, 5, 9 dan 10. Secara terperinci perancangan strategik FSSK adalah seperti yang ditunjukkan di dalam dokumen rujukan berikut:

Dokumen Rujukan: P-FSSK-PPS - Prosedur Perancangan Strategik FSSK

6.1 Tindakan untuk mempertimbangkan risiko-risiko dan peluang-peluang

6.1.1 Tujuan mempertimbangkan risiko dan peluang

Apabila membuat perancangan untuk SPK, FSSK mengambilkira isu-isu luaran dan dalaman serta perkembangan antarabangsa dan dalam negara yang berkaitan dengan bisnes teras FSSK. FSSK juga mempertimbangkan risiko-risiko dan peluang-peluang yang terhasil daripada isu-isu dan perkembangan semasa tersebut agar:

- a. dapat memberi jaminan bahawa SPK mampu mencapai hasil-hasil yang dirancangan,
- b. memaksimumkan kesan yang diinginkan,
- c. mengelak, atau mengurangkan, kesan yang tidak dingini
- d. mencapai penambahbaikan.

6.1.2 Pelaksanaan pertimbangan risiko dan peluang

FSSK melaksanakan pertimbangan risiko dan peluang ini dengan merancang:

- a. proses-proses pengurusan risiko,
- b. integrasi dan pelaksanaan tindakan-tindakan di dalam proses-proses SPK,
- c. penilaian terhadap keberkesanan tindakan-tindakan tersebut.

6.2 Objektif kualiti dan perancangan untuk mencapainya

6.2.1 Objektif kualiti/ Petunjuk Amal Utama

FSSK mewujudkan Petunjuk Amal Utama atau *Key Amal Indicator* (KAI) di setiap bahagian/fungsi organisasi yang berkaitan sebagai objektif kualiti. Ciri-ciri KAI ialah:

- a. boleh diukur dan sejajar dengan polisi kualiti,
- b. mengambilkira kehendak-kehendak pihak berkepentingan,
- c. sejajar dengan kehendak-kehendak perkhidmatan dan teras bisnes,
- d. disebarluaskan dan dipantau,
- e. dikemaskini apabila perlu.

Dokumen Rujukan: Objektif Kualiti / Petunjuk Amal Utama (KAI) FSSK – MK-FSSK-06

Dokumen KAI FSSK ini menunjukkan apa yang akan dibuat, apakah sumber-sumber yang perlu, siapakah yang bertanggungjawab, bila ianya akan disiapkan dan bagaimana hasil-hasil akan dinilai.

6.3 Merancang perubahan

Apabila perubahan perlu dibuat terhadap SPK, perubahan tersebut akan dibuat secara terancang dengan mengambilkira proses yang terdapat di bawah perkara 4.4 dan juga tujuan perubahan tersebut, kesan kepada integriti SPK FSSK, kecukupan dan keberadaan sumber-sumber dan perubahan tanggungjawab dan kuasa.

7 Sokongan

7.1 Sumber-sumber

7.1.1 Umum

FSSK menentukan dan menyediakan sumber-sumber yang perlu untuk membangunkan, melaksanakan, menyenggara dan membuat penambahbaikan berterusan untuk SPK FSSK dengan membuat pertimbangan terhadap sumber-sumber dalaman yang sedia ada dan menentukan sumber-sumber luaran yang perlu.

FSSK terdiri daripada Sekolah Pendidikan (SOE), Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi (SHARPS), Akademi Bahasa (AB), Akademi Tamadun Islam (ATI), FSSKKL dan Raja Zarith Sofiah – Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (RZS-CASIS) yang menyediakan perkhidmatan sokongan kepada teras bisnes FSSK iaitu pembelajaran dan pengajaran (P&P), penyelidikan dan perkhidmatan.

Secara amnya semua PTJ diberi kuasa autonomi untuk menguruskan SPK mereka bagi mencapai KAI yang telah ditetapkan di dalam perancangan strategik FSSK. Namun begitu FSSK hendaklah mematuhi kehendak-kehendak SPK FSSK terutamanya perkara 7, 8, 9 dan 10 dan ianya akan dipantau oleh Jawatankuasa Kualiti FSSK (JKFSSK) melalui kaedah-kaedah yang sesuai seperti audit.

7.1.2 Manusia (staf akademik dan bukan akademik)

FSSK menentukan dan menyediakan staf akademik dan bukan akademik yang perlu bagi melaksanakan SPK FSSK dan proses-prosesnya dengan berkesan.

7.1.3 Infrastruktur/ Fasiliti

FSSK menyediakan dan menyenggara infrastruktur/ fasiliti seperti pusat sumber, bilik dan dewan kuliah, makmal dan sebagainya yang perlu bagi keberkesanan operasi dan pencapaian pematuhan kepada kehendak-kehendak perkhidmatan.

7.1.4 Persekitaran kepada proses-proses operasi

FSSK menentukan, menyediakan dan menyenggara persekitaran tempat kerja seperti kebersihan, keselamatan, kesihatan, sekuriti, kelestarian dan kemampunan di dalam urusan kewangan dan alam sekitar termasuk aspek-aspek keadilan dan kesaksamaan, yang perlu bagi keberkesanan operasi dan pencapaian pematuhan kepada kehendak-kehendak perkhidmatan.

7.1.5 Pengetahuan organisasi

Secara amnya FSSK telah melaksanakan proses penyimpanan dan pengeluaran pengetahuan organisasi yang diperolehi dari pengalaman di kalangan pentadbir dan pensyarah yang berjaya. Pengetahuan organisasi ini dikumpulkan dan disimpan samada melalui syarahan khas dan penulisan buku atau artikel yang berkaitan dengan pengalaman pentadbiran, P&P, penyelidikan dan perkhidmatan.

7.2 Kompetensi dan bakat

Bagi menyediakan modal insan di bawah perkara 7.1.2, FSSK sentiasa mementingkan kompetensi dan mengembangkan bakat staf dengan menentukan kriteria kompetensi sesuatu jawatan tersebut dari segi kelayakan pendidikan yang sesuai, latihan dan pengalaman agar terjamin prestasi dan keberkesanan SPK. Jika tidak mencapai kriteria kompetensi bagi sesuatu jawatan tersebut, FSSK akan mengambil tindakan agar staf dapat meningkatkan kompetensi mereka dan tindakan-tindakan tersebut akan dinilai keberkesananannya dari masa ke masa. FSSK menyimpan maklumat yang didokumenkan atau rekod sebagai bukti kompetensi seseorang staf itu. Perkara yang sama juga dilaksanakan di dalam mengembangkan bakat staf.

7.3 Kesedaran

Warga FSSK sentiasa diperingatkan dan diberi kesedaran melalui berbagai media seperti perjumpaan bulanan oleh pengurusan atasan tentang pentingnya memahami dan melaksanakan polisi kualiti, objektif kualiti atau KAI, sumbangan mereka kepada keberkesanan SPK FSSK termasuk faedah dan kebaikan yang akan diperolehi dan juga kesan negatif jika tidak mematuhi SPK FSSK.

7.4 Komunikasi

FSSK menyediakan kaedah komunikasi dalaman dan luaran berkaitan dengan SPK FSSK yang menentukan apakah yang akan disebar, bila, bagaimana dan oleh siapa kepada siapa agar keberkesanan komunikasi tercapai. Proses komunikasi ini berlaku sepertimana di bawah perkara 5.2.2 di mana penyebaran secara atas talian, perjumpaan bulanan pengurusan atasan dengan staf, jerayawara, buku dan artikel dan sebagainya.

7.5 Informasi didokumenkan (manual kualiti, prosedur dan rekod)

7.5.1 Umum

FSSK mengenalpasti, membangunkan dan menyenggara dokumen-dokumen yang perlu di bawah SPK dan dokumen-dokumen yang ditentukan kepentingannya oleh FSSK sendiri bagi memastikan keberkesanan SPK FSSK terutamanya bagi proses yang kompleks dan saiz pelaksanaannya yang besar dan tidak terlalu bergantung kepada kompetensi. Secara khususnya informasi didokumenkan ini adalah manual kualiti, prosedur, borang-borang, rekod dan sebagainya.

7.5.2 Mewujudkan dan mengemaskini

Apabila mewujudkan dan mengemaskini informasi didokumenkan, FSSK memastikan:

- a. identifikasi dan perihalan yang sesuai (contohnya: tajuk, tarikh, penulis, atau nombor rujukan),
- b. format yang sesuai seperti bahasa, versi perisian dan grafik, dan media seperti media cetak atau elektronik,
- c. semakan dan kelulusan dibuat untuk kesesuaian dan kecukupan.

7.5.3 Kawalan informasi didokumenkan

Informasi didokumenkan seperti kualiti manual, prosedur dan sebagainya dikawal dengan memastikan:

- a. ianya sentiasa wujud dan sesuai digunakan, bila dan di mana ianya diperlukan,
- b. ianya dilindungi dengan secukupnya (contohnya: daripada hilang kepercayaan terhadap tahap kerahsiaannya, salahguna, kehilangan kewibawaannya)

Sebagai kawalan kepada informasi yang didokumenkan ini, FSSK mengawal aktiviti-aktiviti berikut:

- a. pengagihan, akses, pengeluaran dan penggunaan,
- b. penyimpanan dan pemeliharaan,
- c. pengawalan perubahan,
- d. pengekalan dan pelupusan.

Dokumen Rujukan: P-FSSK-Dok – Prosedur kawalan dokumen

Dokumen Rujukan: P-FSSK-Rek – Prosedur kawalan rekod

8 Operasi

FSSK menjalankan tiga teras operasi iaitu Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Penyelidikan dan Perkhidmatan. Operasi-operasi ini merupakan proses-proses utama dan selain itu adalah sokongan kepada proses-proses tersebut.

Bagi memastikan pelaksanaan tiga operasi ini berjalan dengan lancar, sub-manual kualiti bagi setiap operasi disediakan dan diuruskan seperti berikut:

- a. Sub-manual P&P yang disediakan dan diuruskan oleh pasukan akademik,
- b. Sub-manual penyelidikan yang disediakan dan diuruskan oleh pasukan penyelidikan, dan
- c. Sub-manual perkhidmatan yang disediakan dan diuruskan oleh tiga perkhidmatan iaitu:
 - (i) Komuniti luar – pasukan dari Penolong Dekan Hubungan Luar Dan Global
 - (ii) Staf – pasukan dari Timbalan Pendaftar
 - (iii) Pelajar – pasukan dari Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal pelajar

Kualiti operasi P&P, penyelidikan dan perkhidmatan amat bergantung kepada program/bidang akademik, pensyarah, pelajar, kaedah pengajaran, bahan pengajaran, fasiliti, persekitaran dan kewangan.


Kualiti program akademik adalah ditentukan melalui pematuhan kepada Kod Amalan untuk Akreditasi Program atau Code of Program for Programme Accreditation (COPPA). Dalam COPPA perkara-perkara berikut mesti disediakan bagi menjamin kualiti program yang ditawarkan iaitu:

- a. pertimbangan terhadap isu-isu dan perkembangan semasa dan penentuan kehendak-kehendak pihak yang berkepentingan yang memberi penilaian keperluan diwujudkan program tersebut dan menjadi input kepada proses-proses berikutnya,
- b. membangunkan kriteria-kriteria penilaian dan peraturan-peraturan bagi mencapai hasil kursus, objektif program dan hasil pembelajaran kepada graduan, membangunkan kriteria-kriteria proses dan kaedah pengajaran,
- c. menentukan sumber-sumber dan kriteria penilaiannya yang perlu bagi mencapai hasil yang dirancang seperti kelayakan dan kompetensi pensyarah, kelayakan pelajar, kemudahan dan fasiliti yang berkaitan,
- d. pengawalan dan penilaian pencapaian proses operasi,
- e. akreditasi yang melalui proses audit,
- f. semakan kurikulum yang dilaksanakan pada setiap semester dan semakan program yang dijalankan secara berkala oleh staf akademik dan ahli panel dari luar.

Dokumen Rujukan: Sistem Jaminan Kualiti Program Akademik – (diuruskan oleh UTM-QRiM)

FSSK komited menyediakan pensyarah yang kompeten di dalam operasi P&P, penyelidikan dan perkhidmatan kepada komuniti. Sepertimana yang dijelaskan di bawah perkara 7.1.2 dan 7.2, FSSK memastikan majoriti pensyarah mempunyai kelayakan akademik di peringkat Doktor Falsafah dan sentiasa memberi latihan kepada staf akademik dari segi kaedah pengajaran yang berkesan, perancangan dan pelaksanaan *Outcome-Based Education* (OBE), teknik membuat kertas cadangan yang memberi impak dan lain-lain kursus yang boleh meningkatkan kompetensi staf akademik bagi mencapai hasil operasi yang dirancang.

Begitu juga dengan elemen-elemen sokongan yang lain seperti kemudahan dan fasiliti seperti makmal, dewan dan bilik kuliah, kemudahan internet, pusat sumber dan sebagainya. FSSK komited untuk menyediakan sokongan yang efektif kepada operasi P&P, penyelidikan dan perkhidmatan komuniti. Secara ringkasnya hubungan di antara operasi dan sokongan di FSSK dapat ditunjukkan di dalam rajah berikut:



Penerangan secara terperinci tentang kawalan dan PTJ yang mengawal proses-proses operasi dan sokongan ini diterangkan di dalam dokumen berikut:

Dokumen Rujukan: P-FSSK-POS – Prosedur Operasi dan Sokongan

9 Penilaian prestasi

9.1 Pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian

9.1.1 Umum

FSSK mempunyai JAWATANKUASA KUALITI yang menjalankan aktiviti-aktiviti pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian SPK FSSK. FSSK menentukan apakah yang perlu dipantau dan diukur, kaedah pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian, bila pemantauan dan pengukuran perlu dijalankan dan bilakah hasil pemantauan dan pengukuran perlu dianalisis dan dinilai. Dokumen-dokumen yang berkaitan akan disimpan sebagai bahan bukti.

9.1.2 Kepuasan pihak yang berkepentingan

FSSK memantau juga pandangan pihak yang berkepentingan dari segi pencapaian kehendak-kehendak dan harapan mereka samada dipenuhi atau tidak. Pihak yang berkepentingan ini adalah terdiri dari pihak industri, kerajaan, staf, ibu-bapa dan pelajar.

FSSK menggunakan berbagai kaedah untuk mendapatkan pandangan pihak yang berkepentingan. Antaranya melalui kajian soal-selidik, hari bersama pihak yang berkepentingan, aduan, perjumpaan dengan staf dan pelajar dan sebagainya.

Dokumen Rujukan: P-FSSK-MBP - Prosedur Maklumbalas Pemegang Taruh

9.1.3 Analisis dan penilaian

Data-data yang diperolehi melalui pengukuran dan pemantauan akan dianalisis dan dinilai untuk meneliti samada perkhidmatan yang diberikan mematuhi kehendak-kehendak SPK FSSK, tahap kepuasan pihak yang berkepentingan, prestasi dan keberkesanan SPK FSSK, samada apa-apa yang dirancang telah dilaksanakan dengan berkesan, keberkesanan tindakan yang diambil untuk mempertimbangkan risiko dan peluang, dan keperluan untuk menambahbaik SPK FSSK.

Dokumen Rujukan: P-FSSK-PPP - Prosedur Penilaian Prestasi

9.2 Audit dalaman

Audit dalaman akan dilaksanakan oleh JAWATANKUASA KUALITI terhadap semua aktiviti-aktiviti kualiti di bawah SPK FSSK. Secara terperinci pelaksanaan audit dalaman terhadap SKP FSSK adalah seperti berikut:

- a. JAWATANKUASA KUALITI FAKULTI mewujudkan dan menyenggara prosedur-prosedur bagi menentukan tanggungjawab dan keperluan untuk merancang dan melaksanakan audit kualiti serta keperluan rekod dan laporan keputusan audit dalaman yang bertujuan untuk mengesahkan samada aktiviti-aktiviti kualiti dan keputusan aktiviti-aktiviti berkaitan mematuhi perancangan yang telah ditetapkan dan memastikan keberkesanan SPK FSSK.
- b. Perancangan audit kualiti diwujudkan dan merangkumi semua aspek SPK FSSK dengan menentukan kriteria audit dan skop, melantik juruaudit dan pengurusan audit yang berkaitan.
- c. Juruaudit yang dilantik oleh FSSK yang menjalankan audit hendaklah mendapat latihan yang bersesuaian dan hendaklah bebas dalam aktiviti-aktiviti yang diaudit.
- d. Juruaudit dalaman hendaklah membuat rancangan audit yang merangkumi semua bahagian bagi memastikan keberkesanan SPK FSSK.
- e. Rekod-rekod audit dan keputusan audit daripada audit dalaman terhadap SPK FSSK dianalisis dan diedarkan kepada pihak yang berkenaan bagi tujuan tindakan pembedahan.
- f. Pihak yang bertanggungjawab hendaklah memastikan tindakan membetulkan masalah dan pembedahan jangka panjang hendaklah dilakukan seberapa segera bagi menghapuskan ketidakpatuhan dan penyebab-penyebabnya.

